

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 FEBRUARY 2017

Arab Saudi yakini kepemimpinan Najib

UM - 27/2/2017

KUALA LUMPUR
26 Feb. - Lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud yang bermula hari ini menunjukkan Arab Saudi mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kepemimpinan negara yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi** berkata, ini kerana Arab Saudi yang merupakan sebuah kuasa besar di rantau Asia Barat sangat teliti dalam menjalinkan hubungan diplomatik serta kerjasama perniagaan dengan negara-negara lain.

"Jika kita lihat Arab Saudi hanya menjalinkan hubungan dua hala yang baik dengan negara-negara tertentu, yang mempunyai hasil bumi tersendiri seperti Amerika Syarikat.

"Lawatan Raja Salman membuktikan Arab Saudi yakin dengan kekuatan Malaysia setelah menilai dari pelbagai sudut antaranya kepemimpinan, ekonomi dan kemakmuran masyarakat pelbagai kaum," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Bahagian Politik dan Polisi Awam Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia



ROSELINA AHMAD SAUFI



DR. MAZLAN ALI



MOHD. AZIZUDDIN

(UTM), **Dr. Mazlan Ali** berkata, kunjungan Raja Salman itu juga memberi isyarat bahawa keyakinan antara-bangsa terhadap kepemimpinan negara ini masih utuh.

"Berita kunjungan Raja Salman ke Malaysia adalah sesuatu yang mengujakan rakyat Malaysia. "Dalam situasi tohmahan terhadap kepemimpinan Najib dibuat oleh pihak-pihak tertentu sehingga ke peringkat antarabangsa, tiba-tiba Raja Salman berkenan untuk melawat Malaysia.

"Apa yang pasti, sejak era kepimpinan Najib, hubungan Malaysia-Arab Saudi bertambah erat," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani** berkata, hubungan Malaysia dan Arab Saudi yang sebelum ini telah terjalin sejak

sekian lama terus diperkukuhkan dengan kunjungan Raja Salman itu.

"Kepimpinan Najib juga menjadi elemen utama yang menjadi penyumbang kepada persetujuan Raja Salman berkenan berangkat ke negara ini dan ia dilihat sebagai timbal balik ke atas hubungan dua hala yang dijalin sebelum ini," ujarnya.